

INTEGRITI DALAM PENTADBIRAN TANAH

Perubahan dan perkembangan yang berlaku dari segi etika dan profesionalisma dalam Pembangunan dan Pentadbiran Tanah.

Pada pendapat saya, perkembangan dan perubahan yang berlaku dari segi etika dan profesionalisme dalam pentadbiran dan pembangunan tanah didorong oleh beberapa faktor seperti faktor masa, trend dan teknologi. Peredaran masa secara langsung membawa kepada perkembangan teknologi dan mempengaruhi trend individu. Dalam konteks, etika dan profesionalisme bagi pentadbir tanah, kebiasaanya golongan pentadbir ini terdedah kepada hal yang melibatkan amanah serta tidak lari dari isu rasuah. Apabila hal seperti ini wujud, maka untuk mengatasinya setiap jabatan yang terlibat akan sentiasa berusaha memastikan isu sebegini diatasi. Oleh demikian, kod etika yang dikeluarkan oleh jabatan/ agensi akan sentiasa dikemaskini sebagai satu langkah penambahbaikan.

Kini, perkembangan dalam pentadbiran dan pembangunan tanah telah membawa banyak kemudahan. Menerusi perkembangan teknologi moden kini, ia secara langsung memudahkan pentadbir dalam merancang, melaksana dan menyelaraskan program, melaksanakan tugas-tugas dalam bidang pengkhususan, menjalankan penyelidikan, menulis laporan dan kertas kerja secara saintifik

dan melaksanakan tugas secara kreatif dan inovatif serta menganalisis isu-isu semasa (nasional & global).

Namun, perkembangan moden ini boleh membawa kesan sekiranya pentadbir tanah bersikap cuai dalam mengendalikannya. Oleh demikian, nilai etika dan profesionalisme pentadbir tanah adalah penting agar pentadbiran dan pembangunan tanah dapat dibangunkan dengan pengurusan yang baik dan sistematik. Pada pendapat saya, perubahan dan perkembangan yang berlaku dari segi etika dan profesionalisma dalam Pembangunan dan Pentadbiran Tanah ini merupakan salah satu perkara yang mempengaruhi diri seseorang. Perubahan ini berlaku apabila seseorang individu tidak mempunyai ilmu pengetahuan dan sikap individu itu sendiri. perubahan dan perkembangan ini mempengaruhi sikap, budaya hidup dan persekitaran pekerjaan.

Dahulunya, permasalahan etika dan profesionalisma ini kurang menjadi isu yang berat. Namun, perkembangan teknologi, tren serta gaya hidup individu pada masa kini telah menjadikan masalah tersebut sebagai kebiasaan. Antara permasalahan yang berlaku dari segi etika dan profesionalisma dalam Pembangunan dan Pentadbiran Tanah adalah seperti rasuah dan pecah amanah. Januari 2016 telah mengemparkan profesionalisma pentadbiran dan pembangunan tanah terhadap isu rasuah yang berlaku di Negeri Pahang. Isu penerimaan rasuah bagi Kakitangan PTG ini berlaku apabila kakitangan tersebut menerima suapan daripada seorang pelombong bauksit haram. Ianya dijadikan sebagai balasan kerana memberi perlindungan bagi menjalankan

aktiviti perlombongan bauksit secara haram dengan menjual 50 helai Borang 13D. Namun sehingga kini, kes ini masih dalam siasatan.

Perubahan dan perkembangan yang berlaku dari segi etika dan profesionalisma dalam Pembangunan dan Pentadbiran Tanah terjadi disebabkan oleh pelbagai faktor yang mempengaruhi. Antara faktor-faktor yang menyumbangkan kepada perubahan dan perkembangan ini ialah dari segi masa, teknologi, gaya hidup dan sebagainya. Perubahan-perubahan yang berlaku ini akan memberi kesan secara tidak langsung kepada semua lapisan masyarakat. Perubahan yang berlaku mendatangkan kesan yang positif dan juga negatif. Ianya bergantung kepada cara setiap individu itu menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut.

Kesan-kesan positif yang dapat dilihat dari perkembangan etika dan profesionalisma Pentadbiran dan Pembangunan Tanah ialah segala urusan menjadi lebih cepat, pelaksanaan menjadi lebih teratur, dokumen lebih sistematik dan banyak lagi. Manakala kesan negatifnya pula ialah berlakunya salah guna kuasa, rasuah dan lain-lain. Kesan negatif ini akan memberikan imej yang buruk kepada profesion Pentadbiran dan Pembangunan Tanah. Sebagai contohnya ialah berkenaan dengan isu perlombongan bauksit di Pahang. Isu ini telah dikaitkan dengan masalah rasuah yang melibatkan kakitangan Pihak Pejabat Tanah dan Galian. Kesimpulannya, perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam Pentadbiran dan Pembangunan Tanah mempunyai baik dan buruknya. Individu itu sendiri perlu bijak dalam mengawal perubahan tersebut supaya ianya

tidak mendatangkan kesan yang negatif kepada etika dan profesionalisma Pentadbiran dan Pembangunan Tanah.

Menurut pendapat saya, perubahan didefinisikan sebagai pergerakan, perpindahan atau peralihan daripada satu keadaan kepada keadaan yang berbeza atau dikenali juga sebagai 'transformasi'. Selain itu, perubahan adalah sesuatu yang perlu dilakukan supaya persaingan untuk maju terus berlaku. Misalnya dalam profesion pentadbiran dan pembangunan tanah, perubahan diperlukan untuk membentuk individu, kumpulan, organisasi, masyarakat dan negara ke arah lebih baik dan cemerlang.

Antara faktor yang mempengaruhi berlaku perubahan boleh diasaskan berdasarkan keinginan diri atau perubahan sekitar, akibat struktur, teknologi dan manusia. Proses perubahan masa kini adalah lebih kompleks. Hal ini penting untuk memenuhi keperluan dan gaya hidup pengguna yang pelbagai. Perkembangan profesional sebagai pentadbir, perunding harta tanah dan sebagainya dalam bidang pentadbiran dan pembangunan tanah juga dilihat dari perspektif Islam untuk membangunkan hakikat diri seorang individu itu sendiri iaitu rohnya ('spiritual science').

Perkembangan ini juga akan melahirkan individu yang seimbang pembangunan akal, roh dan nafsunya. Seterusnya, ia akan menjamin kualiti seseorang individu dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap seseorang. Sikap ialah faktor yang sukar dikawal. Berikutan keratan akhbar 26 Mei 2016,

kawasan tadahan air di Kuala Terlah, Cameron Highlands, Pahang telah diteroka secara haram. Bukan kelemahan undang-undang, tetapi rasuah dan dilindungi pihak tertentu menjadi punca pekebun tidak serik mahupun takut meneroka semula kebun haram yang dibersihkan pada fasa pertama Op Gading. Amalan rasuah dan pecah amanah semakin berleluasa tanpa nilai etika dan profesionalism yang utuh dari aspek fizikal dan mental, dikhuatiri individu itu akan terjerumus ke kancang tersebut.

Oleh itu, konsep perubahan dan perkembangan dari segi etika dan profesionalisme yang positif harus dilihat sebagai satu proses pembelajaran yang dinamik dan yang menjurus kepada tahap pemahaman dan kesedaran yang baru tentang konteks di mana seorang individu itu sendiri bekerja supaya membolehkan individu tersebut meneliti rutin kerja, amalan, dan matlamat yang ingin dikecapi terutamanya dalam bidang pentadbiran dan pembangunan. Perubahan dalam pembangunan dan pentadbiran tanah disebabkan oleh perubahan gaya hidup, perkembangan teknologi dan permintaan yang tinggi daripada masyarakat terhadap harta tanah. Namun, perubahan ini telah memberi impak positif dan negatif dari segi etika dan profesionalisma dalam pembangunan dan pentadbiran tanah.

Antara kesan positif dalam perubahan bidang ini adalah seperti meningkatkan kecekapan dalam pengurusan harta tanah terutama bagi menguruskan dokumen dengan lebih sistematik, perancangan gunatanah yang lebih terancang dan pembangunan yang lebih lestari sesuai dengan keperluan

pada masa kini. Kesan negatif di dalam bidang pentadbiran harta tanah pula seperti berlakunya penipuan, kecuaiian, ketidak telusan pentadbir tanah dalam melaksanakan tugas.

Sebagai contoh, terdapat kes penipuan di Penang yang telah menyebabkan pemilik kehilangan tanah. Kes ini berlaku apabila terdapat pihak yang menyamar bagi pihak pemilik dan menjualkan tanah tersebut kepada sebuah syarikat iaitu Adorna Properties Sdn Bhd. Oleh yang demikian, perubahan dan perkembangan dari segi etika dan profesionalisme dalam bidang ini masih memerlukan kesedaran yang tinggi di dalam diri individu yang terlibat. Walaupun negara kita mempunyai undang-undang, iannya tidak akan berkesan sepenuhnya sekiranya masyarakat dibelenggu dengan masalah rasuah.

Definisi etika terlalu banyak diberikan oleh pelbagai pihak dari semasa ke semasa. Semakin lama semakin terhakis sikap etika dan profesionalisme seseorang dalam menjalankan bidang tugas masing-masing. Hal ini telah menyebabkan sesuatu profesion ini dipandang hina oleh masyarakat di sekitarnya. Baru-baru ini Malaysia telah pun digemparkan dengan kes di mana Pentadbir Tanah di Pahang terlibat dengan kes rasuah yang membabitkan isu bauksit. Hal ini sekaligus telah menjejaskan nama baik profesion ini. Sepatutnya, isu ini dijadikan tauladan kepada semua graduan yang bakal menginjakkan diri dalam profesion ini agar lebih berhati-hati dan menganggap segala yang berlaku sebagai pengajaran. Oleh itu, etika dan profesionalisme perlu diterapkan dalam diri masing-masing agar kejadian yang sama tidak diulangi lagi.

Perubahan yang berlaku dari segi etika dan profesionalisma dalam Pembangunan dan Pentadbiran Tanah ini merupakan salah satu perkara yang mempengaruhi dalam diri seseorang itu. Pada dahulu kala, permasalahan sebegini tidak pernah berlaku. Namun, akibat daripada perubahan hidup yang semakin rancak, teknologo semakin tinggi, semua orang bersikap memntingkan diri sendiri terutama sekali orang atasan.

Sepatutnya, sebagai orang atasan atau orang yang mempunyai komitmen untuk memimpin perlu bersikap professional dan beretika untuk dipandang tinggi oleh orang lain. Tetapi, sekarang ini, berlaku sebaliknya. Antara masalah yang sering berlaku adalah rasuah dan pecah amanah. Salah satu perkembangan yang berlaku yang kita boleh lihat dari segi etika dan profesionalisma adalah perlombongan bauksit telah menjadi antara sektor ekonomi di negeri Pahang. Pada tahun 2014, Malaysia telah mengeksport hampir sejuta tan bauksit dan jumlah ini meningkat secara drastik kepada 20 juta tan untuk tahun 2015. Bauksit yang bermutu tinggi di Pahang jelas sekali telah menjadi tumpuan utama ramai kerana pulangan yang mewah.

Malangnya, sifat tamak pelombong membawa kepada aktiviti perlombongan haram dan tidak beretika. Baru-baru ini, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengesahkan kewujudan unsur rasuah apabila didapati terdapat kekurangan dalam bayaran royalti kepada kerajaan negeri

sebanyak RM187 juta. Seawal bulan Mei 2015, amaran keras telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa kepada pelombong agar mematuhi peraturan yang tertera dalam permit mereka. Namun, amaran ini tidak diindahkan dan masalah ini menjadi serius apabila rakyat akhirnya sepakat bertindak meluahkan kemarahan mereka pada bulan Disember 2015.

Pada masa kini etika dan profesionalisme dalam pembangunan dan pentadbiran tanah makin berkurangan disebabkan pelbagai faktor. Kod etika dan profesionalisma diwujudkan adalah bagi mengawal badan-badan profesional dalam menjalankan tugas mereka dan memberi panduan apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan. Namun, jika dilihat pada masa sekarang etika sebagai profesional sudah tidak lagi diamalkan memandangkan perkembangan industri pembangunan tanah di Malaysia berkembang pesat. Antara kesalahan etika dan profesionalisma yang sering berlaku adalah masalah rasuah. Semestinya ia menyalahi kod etika namun gejala ini sudah menjadi semakin berleluasa dan menjadi kebiasaan.

Makin parah apabila tiada pihak yang tampil bagi membuat laporan di atas kesalahan melanggar kod etika tersebut malah mereka saling membantu untuk memudahkan urusan. Ketidaktelusan ini telah menjadi penyebab akan masalah kurangnya kesedaran untuk mematuhi kod etika yang telah ditetapkan. Pentadbir tanah atau pemaju sendiri semakin hari semakin banyak diberi pendedahan tentang etika dan profesionalisma samada melalui kursus-kursus yang dijalankan atau pembelajaran harian dan ada juga pendedahan yang diberikan ditempat

kerja, namun apa yang kurang memuaskan ialah tahap atau sejauhmanakah nilai etika dan profesionalisma itu dipraktikkan. Malangnya, tidak banyak pentadbir tanah atau pemaju yang mempraktikkan etika yang baik. sebagai contoh, kes yang sangat banyak berlaku dalam kalangan pemaju dan pentadbir tanah yang semakin meningkat di Malaysia iaitu rasuah. Aktiviti ini sangat tidak beretika dan tidak mengikut profesionalisma serta sekali gus mencemarkan imej pentadbir tanah dan juga negara. Maka, masalah rasuah ini sepatutnya perlu ditangani dengan lebih tegas di mana perundangan perlulah dijalankan dengan adil dan saksama. Hukuman atau denda mesti dijatuhkan kepada pesalah yang terlibat untuk memberi pelajaran kepada pesalah itu sendiri dan juga turut memberi peringatan kepada golongan-golongan professionalism yang terlibat dalam pentadbiran tanah agar pentadbiran tanah Negara lebih maju dan sistematik serta beretika.

1,666 patah perkataan